

COVID-19 DAN SUASANA DARURAT SELURUH DUNIA



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

SUMBER : FREE MALAYSIA TODAY



- Darurat di Itali membolehkan Kerajaan memintas prosiding di Parlimen ketika memperkenalkan peraturan baharu dan mengisytiharkan zon merah di bawah sistem berperingkat dalam mengekang penyebaran wabak COVID-19

- Badan Parlimen dibataskan atas pertimbangan "langkah mendesak yang tidak dapat ditangguhkan", Dewan Rendah Itali bermesyuarat dalam sesi kecil bagi meneruskan dialog dengan cabang eksekutif Kerajaan dan mendapat maklumat mengenai pengurusan kecemasan COVID-19

- Undang-undang Itali tidak membenarkan Darurat Nasional melebihi tempoh 12 bulan setelah lanjutan pertama. Darurat perlu berakhir pada Julai 2021

- Darurat dilisyihar pada April 2020 di kota-kota besar selama sebulan

- Awal tahun 2021, Perdana Menteri Yoshihide Suga mengumumkan satu lagi perintah darurat selama sebulan di Tokyo dan wilayah kejirananinya

- Parlimen Jepun bersidang mengikut SOP yang ketat

- Perisyiharan bencana (State of Calamity) dibuat pada Mac 2020. Pada September berlaku lonjakan kes COVID-19, ia dilanjutkan selama satu tahun

- Dewan Perwakilan Filipina bersidang melalui kombinasi pertemuan fizikal dan maya bagi membolehkan kerajaan meluluskan undang-undang berkaitan COVID-19

- Pengundian dilakukan melalui telefon, aplikasi pesanan dan alat persidangan video

- Perancis mengisytiharkan Perintah Darurat Kebersihan (Sanitary State of Emergency) pada Mac 2020. Ia ditarik balik pada Julai susulan penurunan jumlah jangkitan

- Berikutan gelombang jangkitan kedua, Kerajaan Perancis mengisytiharkan Darurat Kesihatan Awam (Health State of Emergency) pada Oktober 2020

- Majlis Kebangsaan mengurangkan kekerapan mesyuarat selain mengadakannya secara jarak jauh

- Mesyuarat jawatankuasa terbatas pada perbincangan dan perbahasan mengenai isu COVID-19